



## 5.9 juta pokok balak ditanam di Pahang dalam dua tahun

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - Februari 14, 2023 @ 7:44am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Nurfazliza (kanan) menanam pokok ru pantai bersama kanak-kanak di Kampung Kempadang, Kuantan semalam. - Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

KUANTAN: Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) berjaya menanam lebih 5.9 juta pokok balak berkualiti tinggi dalam tempoh dua tahun sejak 2021 dalam usaha memulihkan semula kawasan hutan di negeri ini.

Projek penanaman semula itu turut membabitkan kawasan pesisir pantai, paya gambut dan paya bakau bagi menghalang kejadian hakisan.

Penolong Pengarah Silvikultur (Zon Pahang Timur I) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP), Nurfazliza Kamarulbahrin, berkata sempena kempen penghijauan negara dalam tempoh dua bulan tahun ini sebanyak 273,649 pokok berjaya di tanam.

Menurutnya, antara spesies pokok balak berkualiti tinggi yang ditanam ialah merbau, meranti, keruing dan balau selain keladan, perah, merawan, kelat serta beberapa spesies lain.

Katanya, program menanam pokok dilakukan sepanjang tahun di semua daerah dilakukan kakitangan Pejabat Hutan Daerah (PHD) termasuk kontraktor dilantik.

Aktiviti menanam juga diadakan secara gotong-royong bersama pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT), agensi kerajaan, syarikat swasta dan penduduk setempat.

"Selain bekas kawasan hutan simpan yang telah di ceroboh, program menanam pokok balak turut dilakukan di kawasan bekas pusat simpanan sementara balak atau matau.

"Di kawasan pesisir pantai di daerah ini, Pekan dan Rompin, pokok yang ditanam ialah ru laut, ketapang, bintangor laut, kelat dan jambu laut. Sementara pokok bakau di kawasan paya bakau," katanya.

Beliau berkata demikian pada program menanam 1,000 pokok ru pantai sempena Hari Radio Sedunia peringkat kebangsaan di Kampung Kempadang, di sini semalam.

Seramai 500 tetamu terdiri daripada pelajar IPT, kakitangan JPNN dan kanak-kanak Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TBK) bergotong-royong menanam 1,000 pokok ru pantai.

Nurfazliza berkata bagi menampung keperluan benih pokok balak berkualiti tinggi, JPNN memperkenalkan program 'Buy Back Guarantee' membabitkan penyertaan lebih 25 masyarakat Orang Asli di Tasik Chini dan Cameron Highlands.

"Menerusi program berkenaan jabatan memberi latihan dan pelbagai kelengkapan tapak semeian, mereka hanya perlu mencari benih pokok merbau dan beberapa spesies lain untuk disemai. Anak pokok yang mencapai umur antara empat hingga enam bulan akan dibeli oleh JPNN untuk ditanam di kawasan terpilih.

"Program pertama di Tasik Chini telah mencapai kejayaan yang begitu membanggakan, susulan itu diperkenalkan pula di Cameron Highlands yang mula menyemai benih pokok balak bulan lalu," katanya.